

Headline **Mana Setanggihnya keadilan untuk karya Nordin**
 Date **21. Jun 2009** Language **MALAY**
 Media Title **Berita Minggu** Page No **19**
 Section **Bintang Popular** Article Size **503** cm2
 Circulation **342946** Frequency **Daily**
 Readership **2476000** Color **One Spot Color**
 AdValue **7721.06**



Variasi

Oleh Siti Ruzaiyah Hashim

Mana Setanggihnya keadilan untuk karya Nordin

AKHIRNYA skrip teater *Mana Setanggihnya* karya Sasterawan Negara (SN) Datuk Nordin Hassan dipersembahkan di pentas bertaraf dunia ini, Istana Budaya. Setelah 10 tahun karya yang ditulis untuk majlis pembukaan Istana Budaya ini akhirnya diberi penghormatan paling tepat dan keadilan dilakukan untuk satu karya cantik, halus dan cukup bermakna kepada seorang SN dan juga rakyat Malaysia.

Hanya dengan 'kesungguhan politik' dan iltizam tinggi saja (serta berbakul sindiran, kritikan, innuendo, serangan sakit jantung dan sebagainya) karya seperti *Mana Setanggihnya* boleh dipentaskan. Tahniah kepada semua kerana melakukan keadilan kepada suatu karya besar 'Lord of the Rings Malaysia' (istilah Kassim Lee, Pegawai Media Istana Budaya dan saya bersetuju). Sememangnya pentas bertaraf dunia memerlukan karya SN dengan wacana budaya, intelektual dan spiritual bertaraf antarabangsa juga dan itu adalah suatu kemestian.

Langkah Institut Terjemahan Negara (ITNM) menterjemahkannya ke dalam bahasa Inggeris memang cukup tepat dan kena pada tempatnya. Tahniah kepada ITNM kerana berjiwa besar memartabat karya besar kita untuk tujuan mengantarabangsakannya. Tidak ada gunanya jika bercakap mengenai perkara besar tetapi bila diberikan tanggungjawab duduk di atas longgokan buku dan karya kita yang cukup baik pun, tapi kita tidak tahu nak berbuat apa dengannya!

Skrip *Mana Setanggihnya* diangkat dari kisah dalam

Kitab Taurat dan juga al-Quran dengan refleksi senario politik-ekonomi-sosial masa kini. Seperti kata Nordin, setiap kali dia menulis, ia mempunyai konotasi dengan apa yang berlaku di sekelilingnya ketika itu. Untuk memahami *Mana Setanggihnya*, fikir-fikirkanlah apa yang berlaku sekitar akhir 1990-an dan pasti jawapannya tertera di situ. Jadi, siapa Juda, Hawar, Sibli, Ibra, Iriam, Uzza, mahupun nombor 2 pada backdrop dan elemen lain dalam skrip ini menuntut penghayatan cukup teliti. Setiap patah perkataan, dialog, simbolisme dan metafora mempunyai makna tertentu dan sarat dengan wacana pemikiran sangat tinggi. Setiap kali menonton, saya menemui lapisan baru makna dan pengertian dan ia bukan sekadar semantik bahasa seorang Sasterawan Negara.

Di tangan pengarah Zaifri Husin, interpretasi teksnya cukup baik dan teliti. Paling penting ia juga menjadi suatu skrip berat dan serius tetapi amat menghiburkan, kreatif dan inovatif. Mencari suatu keseimbangan baik begini bukanlah kerja mudah tetapi ia tetap perlu dilakukan. Bukan semua orang datang menonton bersedia untuk berfikir secara mendalam dan analitik dialog dan segala simbolisme dipamerkan, tetapi kesan set, kostum, pencahayaan dan kesan khas menjadikan pementasan teater ini cukup menghiburkan dengan elemen visual dan dramatik hebat. Jadi, kalau pun ada yang tidak mampu menyelami dan memahami apa sebenarnya nak dikatakan



Nordin, nikmati saja pementasan menghiburkan ini pada laras pemikiran masing-masing.

Aspek lakonan pementasan *Mana Setanggihnya* cukup kuat dan impresif. Azizah Mahzan yang membawa watak Mirasi puteri raja yang meninggalkan istana untuk mencari kehidupan yang lebih suci dan bermakna sebagai orang biasa mempamerkan lakonan yang sangat berkesan dan meyakinkan. Begitu juga Shaharuddin Thamy sebagai Hawar, Rudy De Luna Jr. sebagai Subat dan Mohd Nor Fatih Mohar sebagai Sibli membawakan watak masing-masing dengan lontaran suara dan stylization hebat, konsisten dan berada dalam karakter sepanjang masa. Kebanyakan pelakon memberikan lakonan yang cukup baik dan berkesan serta meyakinkan walau pun saya rasa Sabrina Ali sebagai Iriam ada kalanya sedikit kaku tapi masih ada ruang memper-

baiknya.

Dalam komen pementasan *Mana Setanggihnya* dalam program Diva @1 di TV1, saya katakan berpuas hati dengan kerja serta ketelitian Zaifri menangani skrip besar ini. Babak pari-pari berterbangan dengan begitu indah dan diakui oleh pengarah ia sangat sukar melakonkannya tetapi hasilnya sangat impresif dan menarik. Pun begitu, pencahayaan ada kalanya sedikit bermasalah dan kurang sesuai kerana walaupun duduk di barisan kedua depan (dikhaskan untuk jurugambar) saya berasakan sesuatu masih perlu dilakukan untuk menampilkan mimik muka pelakon dengan menggunakan lampu limpah (spotlight) ke wajah mereka. Penataan muzik dengan komposisi cukup unik dan bertenaga sepanjang persembahan adalah sesuatu yang perlu diberi perhatian. Begitu juga kesan khas dan penataan artistiknya cukup baik menampilkan kesan spektakular kepada keseluruhan pementasan teater ini.

Walaupun begitu, mungkin ada yang berkata ia sedikit 'meringankan' teater berat ini kerana dalam banyak aspek, pengaruh dan elemen teater pendidikan pada kerja Zaifri amat ketara. Pun begitu, apa salahnya? Cuma beberapa kesan lebih besar perlu dicipta ketika babak kehancuran kota serta Iriam menikmati mata belut gergasi untuk menjadikannya lebih dramatik.

Pementasan terakhir *Mana Setanggihnya* diteruskan hari ini di Istana Budaya, jam 8.30 malam.